

09/08/1997

DPN3 dikemuka kepada PM akhir bulan

KUALA TERENGGANU, Jumaat - Dasar Pertanian Negara dikaji semula (DPN3), yang memberi tumpuan kepada pendekatan baru meningkatkan pengeluaran makanan negara, akan dikemukakan kepada Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, akhir bulan ini.

DPN3 untuk tempoh 1997 hingga tahun 2010 yang berteraskan memenuhi keperluan makanan negara dan meningkatkan daya saing sektor pertanian di pasaran antarabangsa, dijangka dilancarkan Dr Mahathir, bulan depan.

Timbalan Menteri Pertanian, Datuk Dr Tengku Mahmud Mansur, berkata DPN3 memperlihatkan komitmen serius kerajaan dalam sektor pertanian walaupun negara ketika ini memberikan keutamaan kepada sektor perindustrian.

"Di bawah DPN3, kerajaan akan menubuhkan unit penguatkuasaan dan menyusun semula keperluan setiap agensi di bawah kementerian, bagi memastikan setiap projek yang dikendalikan dapat memenuhi sasaran meningkatkan pengeluaran bahan makanan.

"Kita akan memastikan jumlah import makanan dari negara luar, termasuk daging yang mencecah hampir RM9 bilion sehingga akhir tahun lalu dapat dikurangkan ke paras RM2 bilion dalam tempoh Rancangan Malaysia Ketujuh dan Rancangan Malaysia Kelapan," katanya.

Beliau berkata demikian kepada pemberita selepas mewakili Menteri Pertanian, Datuk Amar Dr Sulaiman Daud merasmikan Konvensyen Peladang, Penternak dan Nelayan sempena perayaan Hari Peladang, Penternak dan Nelayan Kebangsaan di Lapangan Shahbandar, di sini.

Sambutan Hari Peladang, Penternak dan Nelayan Kebangsaan selama empat hari yang bermula semalam dilancarkan oleh Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim.

Beliau juga berkata, Kementerian Pertanian melalui pelbagai agensinya, termasuk Lembaga Pertubuhan Peladang menghadapi masalah dalam melaksanakan projek tanaman secara besar-besaran, khususnya tanaman padi berikutan kebanyakan pemilik tanah yang secara purata memiliki tanah seluas 0.4 hektar enggan membenarkan agensi terbabit memajukan tanah mereka.

(END)